

D562

U 8587 BAH
KEBAKARAN - MAHATHIR RRR

ALOR SETAR, 23 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN SUPAYA BANGUNAN SEKOLAH DIBINA DENGAN MENGUTAMAKAN CIRI-CIRI KESELAMATAN.

LANGKAH ITU PERLU BAGI MENGELAKKAN BERLAKUNYA SEBARANG KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI, KATANYA KETIKA HELAWAT TAPAK ASRAMA SEKOLAH AGAMA TAUFIQIAH KHAIRIAH AL-HALIMIAH, PADANG LUMAT, YANG 17 KM DARI SINI, YANG HUSNAH DALAH KEBAKARAN AWAL PAGI SEMALAM MENYEBABKAN 27 PELAJAR MATIHANGUS.

BELIAU BERKATA, PADA MASA INI DIPERCAYAI BANYAK LAGI ASRAMA-ASRAMA SWASTA YANG DIDIRIKAN DI NEGARA INI TANPA PERANCANGAN YANG TELITI, TERUTAMA DARIPADA SEGI KESELAMATANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGABERKATA, BELIAU TELAH MENGARAHKAN PENGETUA SEKOLAH ITU SUPAYA MEMATUHI ARAHAN-ARAHAN BOMBA PADA NASA DEPAN AGAR KEJADIAN SERUPA ITU TIDAK BERULANG.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN AKAN MENIMBANGKAN UNTUK MEMBERI BANTUAN YANG SESUAI BAGI PEMBINAAN SEHULA ASRAHA SEKOLAH ITU DAN KELUARGA HANGSA-MANGSA.

-- LAGI

1652MST 23 09 89

D564

U 8590 BAH
KEBAKARAN - MAHATHIR 2 ALOR SETAR RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA HENGGINGATKAN ORANG RAMAI BAHAWA KEBAKARAN BOLEH BERLAKU DI MANA-MANA SEKIRANYA MEREKA TIDAK MENGUTAMAKAN CIRI-CIRI KESELAMATAN.

+DI UNIVERSITI PUN BERLAKU KEBAKARAN,+ KATANYA MERUJUK KEPADA KEBAKARAN YANG MEMUSNAHKAN PUSAT MEDIA DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN DAN ASRAMA PELAJAR DESA SISWA AMAN DALAH DUA KEJADIAN BERASING DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BARU-BARU INI.

BELIAU JUGAMEMINTA PIHAK SEKOLAH AGAHA ITU SUPAYAMENGGAJI SEMULA PENGGUNAAN DAPUR UNTUK HEMASAK DAN ALAT-ALAT ELEKTRIK LAIN OLEH PELAJAR ASRAHA SEKOLAH TERSEBUT.

PERDANA MENTERI TIBA DI SEKOLAH ITU PADA KIRA-KIRA 1.55 TENGAH HARI BERSAMA MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHHAT DENGAN HENAIKI PESAWAT NURI DARI PULAU PINANG.

BELIAU KEMUDIAN MELUANGKAN MASA KIRA-KIRA 45 MINIT, TERMASUK MELAWAT TAPAK KEBAKARAN ITU. -- LAGI

1657HST 23 09 89

U B602 BAH
KEBAKARAN - MAHATHIR 3 ALOR SETAR ***

SEBELUM BERLEPAS PULANG, PERDANA MENTERI SEMPAT MENGUCAPKAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA-MANGSA YANG TERLIBAT Sambil MENYATAKAN RASA TERHARU DAN SEDIH ATAS KEJADIAN YANG MENIMPA PARA PELAJAR ITU.

SEMENTARA ITU, ENCIK ANWAR IBRAHIM BERKATA, BELIAU TELAH DIARAHKAN OLEH PERDANA MENTERI UNTUK MENGAJI KOS PEMBINAAN SEMULA BANGUNAN ASRAMA SEKOLAH ITU.

BELIAU BERKATA, KAJIAN AKAN DIBUAT SEBELUM DAPAT DITETAPKAN JUMLAH BANTUAN YANG PERLU DIBERI.

BELIAU JUGA BERKATA, ADALAH SUKAR UNTUK MENETAP SYARAT SUPAYA SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA MEMPUNYAI ALAT-ALAT KESELAMATAN YANG LENGKAP KERANA KERANA KOS UNTUK MEMASANG ALAT-ALAT ITU ADALAH TINGGI.

DI KUALA LUMPUR, KETUA UNIT HAL EHWAL AWAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN, ENCIK BADARUDDIN HAJI MAT SALLEH HARI INI BERKATA, KEMENTERIAN TELAH MENGEDARKAN SURAT PEKELILING IKTISAS BIL. 8 PADA 1978 KEPADA SEMUA SEKOLAH KERAJAAN DAN BANTUAN KERAJAAN MENGENAI PANDUAN KAWAD KECEMASAN KEBAKARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH.

PANDUAN ITU YANG DISEDIAKAN DENGAN KERJASAMA JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA MERANGKUMI CARA-CARA MENGHADAPI KEBAKARAN TERMASUK MEMBUNYIKAN ALAT PENGGERA KESELAMATAN DAN LATIHAN KECEMASAN KEBAKARAN.

KATANYA, SEMUA SEKOLAH, TERMASUK SEKOLAH BERASRAMA DIMESTIKAN MENJALANI LATIHAN ITU SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI KEBAKARAN. --
LAGI

1725MST 23 09 89

0596

U B619 BAH
KEBAKARAN - MAHATHIR 4 ALOR SETAR

SEMENTARA ITU, YAYASAN SELANGOR YANG MENGURUSKAN ASRAMA TUN DR ISMAIL, ASRAMA TOH PUAN NORASHIKIN DAN ASRAMA DR LATIFF DI SINI SERTA ASRAMA YAYASAN SELANGOR DI KLANG MENGADAKAN PERATURAN KETAT DALAM PENGGUNAAN ALAT-ALAT ELEKTRIK DI ASRAMA TERSEBUT.

SEORANG PEGAWAI YAYASAN SELANGOR YANG ENGGAN NAMANYA DISEBUT, HARI INI BERKATA, PARA PENGHUNI ASRAMA TIDAK DIBENARKAN HENGGUNA APA JUA BARANGAN ELEKTRIK TERMASUK +HEATER+ DALAM BILIK MEREKA.

KATANYA, PIHAK PENGURUSAN ASRAMA MENYEDIKAKAN SEGALA KEMUDAHAN TERMASUK MAKAN, MINUM DAN MENGGOSOK BAJU UNTUK PARA PENGHUNI DI SAMPING MENGADAKAN LATIHAN KECEMASAN KEBAKARAN.

PENGURUS MAKTAB ADABI PAHANG, ENCIK ABDUL HALIM HAJI SALLEH BERKATA, MAKTAB ITU JUGA MENGENAKAN PERATURAN TEGAS DALAM PENGGUNAAN ALAT ELEKTRIK.

PENYELIA ASRAMA JUGA AKAN MEMBUAT PEMERIKSAAN DI SEKITAR BANGUNAN ASRAMA PADA WAKTU PAGI DAN MALAM UNTUK MEMASTIKAN SUIS-SUIS LAMPU ATAU ALAT ELEKTRIK DITUTUP. -- LAGI
1806MST 23 09 89

U B620 BAH
KEBAKARAN - MAHATHIR 5 ALOR SETAR

KETUA BAHAGIAN PENDIDIKAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR, HAJI PAIDI KEROMO PULA BERKATA, TERDAPAT 201 BUAH SEKOLAH HENDAH DAN MENENGAH AGAMA YANG MENAMPUNG HAMPIR 12,000 MURID DI SELURUH NEGERI ITU YANG DILETAKKAN DI BAWAH PENGAWASAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN.

KATANYA KESEMUA SEKOLAH ITU YANG DIBINA OLEH JABATAN KERJA RAYA DAN IA MEMATUHI KEPERLUAN-KEPERLUAN KECEMASAN SEMASA KEBAKARAN.

GABUNGAN PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA (FOMCA) PULA BERHARAP KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MEWAJIBKAN DAN MENGUATKUASAKAN PIWAAN TERHADAP MINYAK TANAH.

SETIAUSAHA AGUNG FOMCA, ENCIK HAMDAN ADNAN BERKATA, LANGKAH ITU SANGAT PENTING KERANA DIDAPATI PELAJAR-PELAJAR DI SEKOLAH ITU MENGGUNAKAN MINYAK TANAH UNTUK MEMASAK.

KATANYA, INSTITUT PIWAAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (SIRIM) TELAH PUN MENGADAKAN PIWAAN TERHADAP MINYAK TANAH DAN HANYA MENUNGGU KERAJAAN UNTUK MENGUATKUASAKANNYA.

DI IPOH, PERSATUAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN UNTUK PENGGUNA-PENGGUNA NEGERI PERAK (ERA CONSUMER) MEMINTA KERAJAAN MENUBUHKAN BADAN BEBAS SEPERTI PANEL KESELAMATAN UNTUK MEMASTIKAN KEADAAN ASRAMA DI SEKOLAH, MAKTAB DAN PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI NEGERA INI ADALAH SELAMAT.

PRESIDENNYA PUAN JOSIE ZAINI BERKATA ERA CONSUMER BERSIMPATI DAN TERHARU DENGAN KEJADIAN TERSEBUT. -- BERNAMA
1808MST 23 09 89